

24 MAY 2001

Venezuela-Lawatan

PRESIDEN VENEZUELA LAWAT MALAYSIA ISINI INI

KUALA LUMPUR, 24 Mei (Bernama) -- Presiden Republik Venezuela Hugo Rafael Chavez Frias akan melakukan lawatan dua hari ke Malaysia mulai Isnin ini.

Duta Venezuela ke Malaysia Noel Martinez Ochoa berkata Chavez berharap lawatan itu dapat meningkatkan lagi hubungan dua hala dalam bidang perdagangan, pelancongan, industri petrokimia, dan kerjasama saintifik dan teknikal.

"Kami juga berminat untuk bekerjasama dengan Malaysia dalam industri getah dan minyak sawit," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Martinez berkata kali pertama Chavez melawat Malaysia ialah pada Oktober 1999.

Dalam lawatannya ke Malaysia minggu depan, Chavez akan diiringi oleh Menteri Hal Ehwal Luar Kol (A) Luis Alfonso Davila, Menteri Sains dan Teknologi Dr Carlos Genatios dan Menteri Perancangan dan Pembangunan Dr Jorge Giordani.

Selain itu, ahli-ahli perniagaan dan pegawai-pegawai kanan adalah antara 30 anggota rombongan beliau.

Martinez berkata Chavez mengiktiraf Malaysia sebagai contoh negara membangun dari segi kemajuan dan pembangunan.

"Malaysia telah menjadi contoh yang harus diikuti oleh negara-negara membangun dari segi pembinaan dan pembangunan negara," katanya.

Menurutnya dalam lawatan itu, Presiden Venezuela itu akan menghadap Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan mengadakan mesyuarat dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Chavez juga mengadakan lawatan ke Rusia, Iran, India, Bangladesh dan China.

Beliau akan berlepas ke Jakarta pada Selasa untuk menghadiri mesyuarat G-15.

-- BERNAMA

RZS ZS NAK